

**UCAPAN YAB PERDANA MENTERI  
YANG DIBACAKAN OLEH  
Y.B. DATO' SHAZIMAN ABU MANSOR  
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**SEMPENA  
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH DAN ANUGERAH TANGAN EMAS  
PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA KE - 18 TAHUN 2009**

**TEMPAT: PUSAT KONVENTSYEN CIDB,  
JALAN CHAN SOW LIN**

**JAM : 8.45 MALAM  
TARIKH : 3 DISEMBER 2009**

---

1. Pertama sekali saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada malam ini sempena Majlis Penyampaian Hadiah dan Anugerah Tangan Emas kepada pemenang-pemenang Pertandingan Kemahiran Malaysia Ke 18 (PKM). Majlis pada malam ini sepatutnya disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, namun di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan beliau tidak dapat bersama dengan kita pada malam ini. Oleh itu YAB Perdana Menteri telah meminta saya mewakilinya. Beliau menyampaikan salam kepada semua yang hadir dan berdoa semoga majlis pada malam ini berjalan dengan jayanya. Di sini saya ingin membacakan teks ucapan beliau.
  
2. "Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta semua agensi dan institusi yang terlibat termasuk pihak penaja yang telah bersama-sama berganding bahu menjayakan pertandingan PKM pada kali ini.

3. Penganjuran pertandingan seperti ini adalah sebahagian daripada inisiatif dan iltizam Kerajaan untuk mencungkil bakat, kreativiti dan daya inovatif serta keazaman mencetus nilai tambah di kalangan pelatih-pelatih di pusat latihan industri dan kemahiran di seluruh negara. Melalui usaha ini adalah diharapkan ianya dapat membantu menghasilkan kumpulan tenaga kerja mahir yang mampu memacu industri berdasarkan kemahiran setanding dan setaraf dengan pencapaian di negara-negara maju. Usaha ini bukan sahaja penting malah merupakan prasyarat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.
4. Struktur ekonomi negara telah melalui proses transformasi daripada sebuah negara berdasarkan pertanian kepada sebuah negara berdasarkan perindustrian dan perkhidmatan. Justeru, negara amat memerlukan bekalan tenaga mahir terlatih bagi memastikan kelangsungan pembangunan industri negara agar ianya lebih berdaya maju dan berteknologi tinggi. Usaha-usaha bersepadu bagi memperkasakan kemahiran teknikal perlu ditingkatkan untuk menyahut cabaran ekonomi semasa dan akan datang.
5. Sejajar dengan hasrat ini, kerajaan telah memberi penekanan kepada usaha-usaha pembangunan bersifat holistik dan lestari sepertimana yang digariskan dalam ucapan bajet 2010 melalui strategi peningkatan modal insan berkemahiran tinggi. Bagi menggilap kemahiran tenaga kerja, Kerajaan telah memperuntukkan RM504 juta untuk membina, menaik taraf dan menyelenggara peralatan di Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Pusat Latihan Teknologi Tinggi. Di samping itu, RM438 juta diperuntukkan untuk Institut Kemahiran Mara (IKM), Kolej Kemahiran Tinggi Mara dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) bagi merangsang pembentukan modal insan berkemahiran tinggi. Ini tidak termasuk peruntukan RM1.3 billion yang disediakan untuk membiayai dan menaik taraf politeknik, kolej komuniti serta menyediakan prasarana untuk bidang-bidang kemahiran lain yang berdasarkan *service industry* seperti *culinary* dan *hospitality*. Di

samping itu, selaras dengan konsep 1Malaysia, sebanyak RM110 juta juga diperuntukkan kepada pusat latihan kemahiran negeri dan institusi-institusi latihan terpilih.

6. Sebagai pengiktirafan kepada pemegang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Kerajaan telah memutuskan bahawa SKM Tahap 4 adalah setaraf dengan kelulusan akademik dan layak memohon berkhidmat di sektor awam. Sementara itu, bagi mereka yang berkhidmat dengan sektor swasta, mereka layak menerima gaji setaraf dengan pemegang sijil diploma. Semuanya ini merupakan manifestasi kesungguhan kerajaan untuk membangunkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi serta merealisasikan hasrat negara berstatus *high-income*.

7. Produktiviti negara dapat dipertingkatkan melalui pelaburan dalam industri berteknologi tinggi melalui penggunaan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Kaedah automasi dan mekanisasi akan mengurangkan kebergantungan kita kepada tenaga kerja asing berkemahiran rendah. Bidang-bidang berteknologi tinggi seperti mekatronik, *CNC milling (Computer Numerical Control)* dan ICT bukan sahaja mempunyai permintaan yang tinggi dalam negeri tetapi juga mampu meraih nilai pasaran yang tinggi di luar negara.

8. Walaupun suasana dan kancah ekonomi global masih tidak menentu, namun begitu masih terdapat sektor-sektor ekonomi kita yang melakar pertumbuhan positif biar pun dibayangi oleh kesukaran senario ekonomi semasa. Sebagai contohnya ialah sektor pembinaan. Sektor ini dijangka mencatat pertumbuhan positif sebanyak 3.2% pada tahun 2010. Unjuran pertumbuhan yang sihat ini adalah selari dengan cadangan Bajet 2010 yang memperuntukkan lebih RM9 billion untuk projek infrastruktur. Walaupun sumbangan industri pembinaan kepada ekonomi negara masih di bawah paras 5% dari Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), namun begitu sektor ini bertindak sebagai *enabler* kepada sektor-sektor lain seperti sektor pembuatan dan kewangan yang secara langsungnya turut menyumbang kepada kekuatan ekonomi negara keseluruhannya. Dengan

ruang lingkup pasaran yang terhad di Malaysia, maka sektor ini harus berupaya mencipta peluang dan pasaran baru di luar negara. Penggiat industri dan perkhidmatan di Malaysia mesti mampu bersaing sebagai *global players* kerana hasrat negara untuk menjadi negara maju menjelang Tahun 2020 akan terhasil sekiranya mereka mempunyai daya saing yang kompetitif di pentas dunia.

9. Dalam mengharungi cabaran domestik dan cabaran arus pasaran global para penggiat industri pembinaan perlu menangani kekangan dan cabaran strategi dan operasi semasa. Pendekatan bersifat holistik bagi meraih impak positif dalam rantai industri perlu dipertingkatkan. Pertandingan Kemahiran seperti ini boleh memupuk *quality and innovative mindset* yang sangat perlu untuk menerokai arah tuju dan masa hadapan yang lebih baik kepada sektor industri dan ekonomi negara kita. Kata pujangga, "*Minds are like parachutes – they only function when open*".

10. Seperti yang saya gariskan dalam Ucapan Bajet 2010 di Parlimen baru-baru ini, ekonomi Malaysia kini beralih kepada pendekatan yang berasaskan kreativiti dan inovasi. Di bawah model baru ini sektor perkhidmatan moden dan perindustrian berteknologi tinggi adalah peneraju pertumbuhan dan pembentukan kekayaan baru yang perlu bergerak pantas untuk membebaskan negara dari kemelut ekonomi global yang tidak menentu. Pendekatan baru yang kreatif perlu diperkenalkan. Salah satu pendekatan baru yang boleh diterapkan dalam industri pembinaan adalah kaedah *life cycle costing*. Menerusi kaedah ini, faktor dan kos penyenggaraan bagi sesuatu produk pembinaan diambil kira pada peringkat reka bentuk bagi mendapatkan unjuran kos kitaran hayat yang lebih tepat. *Life cycle costing* merupakan elemen penting dalam semua sektor industri pembinaan kerana kaedah ini berupaya memacu peningkatan kualiti dengan mengambil kira kesan kos projek secara komprehensif.

11. Selama ini pengukuran pencapaian dan prestasi kita hanya berdasarkan kepada produktiviti semata-mata. Dalam suasana persekitaran

yang berubah, elemen-elemen baru yang berasaskan kreativiti dan inovasi seperti yang saya sebutkan tadi perlu dijadikan budaya dan amalan. Budaya ini patut diterapkan kepada pelatih-pelatih di pusat-pusat latihan kemahiran. Proses pembelajaran dan pendedahan berterusan kepada kaedah dan teknologi baru di pusat-pusat latihan amat penting bagi memastikan pelatih-pelatih yang dihasilkan dapat memenuhi kehendak industri dan pasaran. Kita tidak boleh sekali-kali terperangkap dengan sikap dogmatik mahupun nostalgik dalam menilai sesuatu pendekatan, ini kerana apa yang berkesan atau relevan hari ini tidak semestinya masih berkesan atau relevan di masa depan. Janganlah cepat berpuas hati terhadap apa yang dicapai, untuk terus berjaya kita mesti sentiasa berusaha untuk berada di hadapan keluk perubahan, bukan mengekorinya.

12. Kerajaan sebelum ini telah mengambil keputusan untuk meliberalisasikan 27 sub-sektor perkhidmatan tanpa mengenakan sebarang syarat ekuiti. Sub-sektor ini adalah termasuk di dalam kumpulan bidang perkhidmatan kesihatan dan sosial, perkhidmatan pelancongan, perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan perniagaan dan perkhidmatan dan perkhidmatan komputer yang berkaitan. Jika dilihat dalam konteks pertandingan kemahiran ini, sebahagian daripada 28 *trades* yang dipertandingkan dilihat mempunyai kaitan langsung dengan 27 sub-sektor di bawah kumpulan perkhidmatan seperti yang disebutkan tadi. Bidang penyajian dan masakan misalnya berada dalam kumpulan perkhidmatan pelancongan manakala bidang *networking & PC maintenance, web design* dan penggunaan perisian komputer jelas dikategorikan di bawah kumpulan perkhidmatan komputer yang telah diliberalisasikan. Soalnya, bagaimanakah kita boleh melihat proses ini sebagai suatu peluang dan bukannya sebagai suatu ancaman.

13. Inisiatif ini sebenarnya diambil dengan tujuan membentuk satu persekitaran industri yang lebih kondusif untuk menarik pelaburan, teknologi serta menjana peluang pekerjaan bertaraf tinggi. Kita menjangkakan usaha-usaha ini akhirnya akan dapat meningkatkan tahap

daya saing perkhidmatan yang berteraskan kemahiran di negara ini. Sebagai contoh, melalui liberalisasi dalam sektor pembinaan misalnya membolehkan para penggiat industri tempatan mengambil peluang menambahkan kepakaran dan kemahiran mereka melalui *transfer of technology*. Perunding asing yang dilantik bagi sesuatu projek akan turut melibatkan pasukan yang terdiri daripada tenaga-tenaga mahir dari luar negara. Penglibatan tenaga-tenaga mahir ini sekaligus akan membawa kepada aliran masuk pengetahuan, teknologi dan kemahiran teknikal yang pesat. Ini sekaligus akan menggalakkan perkongsian teknologi antara tenaga mahir asing dan tempatan memandangkan wujudnya peluang kepada tenaga kerja tempatan untuk mempelajari dan mendalami teknologi serta kemahiran teknikal tersebut.

14. Di samping itu, pengaruh liberalisasi juga akan mendorong kita untuk terus berusaha memperkasa dan meningkatkan kapasiti kemahiran belia negara. Penerimaan majikan atau industri terhadap pelatih-pelatih institusi latihan boleh dijadikan kayu pengukur sama ada sesuatu latihan yang dianjurkan menepati dan memenuhi permintaan dan keperluan sebenar di luar sana. Sekiranya pelatih-pelatih ini mampu memenuhi kehendak pasaran, saya yakin pergantungan kepada tenaga kerja asing akan dapat ditangani seterusnya menjana peluang pekerjaan kepada tenaga kerja tempatan.

15. Dengan keupayaan menghasilkan kira-kira 22 ribu lepasan pelatih dari pelbagai institusi latihan vokasional tajaan Kerajaan setiap tahun, kita sebenarnya mempunyai kapasiti modal insan berkemahiran yang mencukupi untuk memenuhi visi dan misi nasional. Hala tuju pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia perlu disesuaikan dengan perubahan semasa yang berlaku pada hari ini. Hubungan dan sokongan berterusan oleh pihak majikan atau industri dengan penggerak institusi latihan khususnya dalam pembangunan latihan kemahiran perlu dipertingkat dari masa ke masa agar faedahnya dapat dinikmati bersama. Saya amat berharap supaya lebih banyak lagi kolaborasi dalam bentuk latihan dan

kemahiran dapat diwujudkan antara pihak swasta dan Kerajaan ke arah menjadikan negara Malaysia yang lebih berdaya saing.

16. Di bawah Konsep 1Malaysia, kerajaan komited memastikan tidak ada rakyat di negara ini yang terpinggir dari mendapat peluang atau akses kepada kejayaan. Kerajaan tidak boleh menjamin kejayaan mana-mana individu apa yang mampu kerajaan lakukan adalah menyediakan persekitaran yang kondusif untuk merealisasikannya. Keunikan negara kita yang berbilang bangsa dan budaya merupakan aset yang tidak ternilai. Setiap rakyat yang berkelayakan dan memerlukan bantuan akan dibantu kerana mereka juga memiliki potensi dan berperanan untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Kita sedang merentasi cabaran di alaf baru dan untuk berjaya di dalam kerangka cabaran globalisasi yang sengit ini, kita harus mengubah paradigma dan pola pemikiran kita. Malaysia memerlukan setiap warga menyumbang kepada kemakmuran berterusan negara.

18. Ingatlah di hadapan kita banyak ranjau dan ujian yang memerlukan kita bergerak bersama-sama. Kita perlu bekerja keras secara berpasukan dengan mempamerkan komitmen yang tinggi serta mempunyai tekad dan azam yang kukuh untuk berjaya dengan cemerlang di bawah panji 1Malaysia. Tenaga belia hari ini perlu melakar sejarah kejayaan baru untuk negara di alaf ini. Rata-rata umur pelatih di pusat-pusat latihan adalah dalam lingkungan 18 hingga 30 tahun. Dengan berbekalkan kemahiran yang tinggi dalam pelbagai bidang, mereka adalah tenaga muda yang merupakan aset yang sangat berharga dan mampu mencipta perubahan kepada negara.

19. Kerajaan amat memahami aspirasi dan denyut nadi belia. Justeru, kerajaan telah dan akan menyediakan pelaburan yang berterusan untuk terus memberi peluang latihan dan kemahiran kepada golongan ini. Peluang-peluang menggarap ilmu dan kemahiran ini disediakan

secukupnya kerana mereka adalah generasi pemangkin yang akan meneruskan kelangsungan kemakmuran negara.

20. Akhir kata saya ingin mengucapkan tahniah kepada peserta-peserta yang telah berjaya mendapat pingat serta juga kepada agensi yang terpilih untuk dianugerahkan Tangan Emas dalam pertandingan kali ini. Harapan saya agar mereka akan terus meningkatkan tahap pencapaian yang sedia ada bagi bersaing di pertandingan peringkat serantau dan antarabangsa seterusnya mengharumkan nama negara”.

Terima kasih.